

CNS1878

U GB 13-08 00151 BH419

BAH

Mahathir - Keamanan

NEGARA AMAN KERANA KERAJAAN ADIL KEPADA SEMUA KAUM, DR MAHATHIR

JITRA, 13 Ogos (Bernama) -- Keamanan dan kestabilan yang wujud di negara ini adalah hasil daripada sikap kerajaan yang berlaku adil terhadap semua kaum, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata, sungguhpun kerajaan terpaksa memberi sedikit pertolongan kepada kaum Bumiputera tetapi kaum bukan Bumiputera juga mempunyai hak dalam negara ini.

Yang penting ialah kerajaan melaksanakan pembangunan yang seimbang bagi semua kaum, katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan rakyat di Dewan Jitra di sini sempena lawatan kerja seharian ke daerah Kubang Pasu.

Dr Mahathir, yang juga anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu berkata, Malaysia banyak belajar daripada pengalaman rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

"Cara-cara yang tidak adil tidak harus dilaksanakan oleh kerajaan, oleh itu keadaan menjadi stabil," katanya. -- lagi

▼13/08/13-41MST

CNS1890

U GB 13-08 00137 BH421

BAH

Mahathir - Keamanan 2 Jitra

Perdana Menteri berkata, keamanan dan kestabilan itu telah mendatangkan banyak kemajuan kepada negara serta menyediakan banyak peluang ekonomi kepada rakyat.

Menurut beliau, kerajaan tidak perlu menyekat kaum-kaum lain bagi memberi peluang kepada Bumiputera meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi kerana peluang yang ada begitu banyak dan semua kaum boleh bekerjasama bagi merebut peluang-peluang itu.

Katanya, kaum Bumiputera juga boleh berniaga kerana tidak susah untuk memulakan perniagaan tetapi kebanyakan yang gagal dalam perniagaan ialah kerana mereka tidak dapat membendung nafsu.

Dr Mahathir berkata, peluang perniagaan adalah banyak dan kerajaan kini menggalakkan perniagaan secara francais yang merupakan cara mudah bagi seseorang memulakan perniagaan.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara kini begitu pesat sehingga pekerja negara ini juga sudah menikmati kenaikan gaji. -- lagi

▼13/08/14-03MST

Mahathir - Keamanan 3 Jitra

Bagaimanapun, beliau tidak bersetuju dengan pandangan sesetengah pihak kononnya pertumbuhan ekonomi berlaku begitu cepat sehingga dibimbangi orang Melayu tidak akan terkejar oleh kemajuan yang pesat itu.

"Tetapi kita tidak ada pilihan. Kalau kita 'slow', orang Melayu 'slow' juga," katanya.

Beliau berkata, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan penyertaan 30 peratus Bumiputera dalam ekonomi negara termasuk menjual saham pada harga murah kepada mereka tetapi ada pula di kalangan mereka yang menjual balik saham itu.

Namun begitu, kata Perdana Menteri, kini sudah ada Bumiputera yang cekap dalam perniagaan yang membeli sendiri saham syarikat-syarikat besar yang melibatkan harga ratusan juta ringgit dari pasaran tanpa bantuan kerajaan.

"Ada pengusaha Bumiputera yang pergi ke Sri Lanka dan membeli tiga buah hotel yang besar-besar sekaligus, ada yang pergi ke Papua New Guinea dan mendapat kawasan balak dan ada yang pergi ke Solomon Island," kata beliau.
-- lagi

▼13/08/14-12MS*

Mahathir - Keamanan 4 Jitra

Beliau juga menyangkal dakwaan PAS kononnya kerajaan terlampau mementingkan kemajuan ekonomi dan hal-hal dunia.

Dr Mahathir berkata: "Keadaan dalam negara ini tidak mengizinkan cara-cara yang dirancang oleh PAS dan kita juga bukan buat sesuatu yang bertentangan dengan Islam."

Menurutnya, kerajaan PAS di Kelantan juga masih tidak dapat menunaikan banyak janjinya sebelum pilihan raya seperti untuk melaksanakan hukum Hudud.

"Kits bukan menentang hukum Hudud...tetapi Islam menheri kelonggaran kepada keadaan tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa dalam UMNO, walaupun 100 pun berlaku sedikit sebanyak pergolakan menjelang pertandingan jawatan tetapi ia dilaksanakan secara demokrasi dan selepas pertandingan mereka berbaik-baik semula.

"Tetapi orang PAS kalau marah sampai tak mahu bercakap dan kalau mati pun dia tak mahu sembahyangkan," katanya. -- lagi

▼13/08/14-34MS*

Mahathir - Keamanan 5 (Akhir) Jitra

Beliau mengingatkan rakyat supaya menjamin keamanan dan kestabilan yang ada berterusan, bekerja kuat serta sanggup belajar kerana lebih banyak kemajuan akan dapat dicapai.

Dr Mahathir, yang tibapagi ini, juga melawat bangunan gerai MARA dan bangunan Perpustakaan Awam Daerah Kubang Pasu yang sedang dalam pembinaan di pekan Jitra.

Beliau bersembayang Jumaat di Masjid di Pulau Ketam dan melawat projek pelancongan di Kampangan Pedu sebelum pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Antara yang mengiringi beliau dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Al-off dan anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Tunjang, Datuk Haji Hanafi Ramli. -- Bernama

KHY MAI

▼13/08/14-34MS*